

# Pengarah Seranta Felda puji Persada UMS

UM 12.2.2014 26

KOTA KINABALU 11 Feb. - Langkah proaktif mahasiswa Universiti Malaysia Sabah (UMS) dalam pengajuran aktiviti kemasyarakatan perlu dijadikan contoh dan ikutan oleh institusi pengajian tinggi (IPT) lain di negara ini.

Pengarah Seranta (Felda) Jabatan Perdana Menteri, Mohamad Khairuddin Mohamad berkata, kerajaan sentiasa menyokong usaha pihak IPT mendekatkan diri sambil berkongsi ilmu dengan masyarakat setempat khususnya di luar bandar.

"Saya kagum dengan mahasiswa Felda UMS yang sering melibatkan diri dalam pelbagai program komuniti melalui program Permuafakatan Siswa-Siswi Felda (Persada)," katanya kepada pemberita selepas menghadiri program Sasaran Kerja Tahunan (SKT) Ketua Seranta Negeri/Wilayah seluruh Malaysia di sini baru-baru ini.

Yang turut hadir, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UMS, Prof. Madya Datuk Dr. Kasim Md. Mansur dan Ketua Seranta Felda Sabah, Asmarah Rikun.

Sementara itu, Kasim berkata, UMS menghargai segala sumbangan dan perhatian kerajaan dalam membantu serta merancang pelbagai program bersama mahasiswa Felda UMS.

"Program-program tersebut membentuk jati diri yang utuh selain meningkatkan kemahiran insaniah sekaligus memberi ruang kepada ma-



MOHAMAD Khairuddin Mohamad (kanan) menyampaikan cenderamata kepada Dr. Kasim Md. Mansur dalam program Sasaran Kerja Tahunan Ketua Seranta Negeri/Wilayah seluruh Malaysia di Kota Kinabalu, Sabah, baru-baru ini.

hasiswa untuk menyumbang dalam pelbagai program rancangan pembangunan Felda.

"Ini seiring dengan harapan Per-

dana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak untuk membangunkan negara melalui generasi muda Felda sebagai kumpulan pemikir," katanya.